



## BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Rujukan Kami : KPM.600-4/1/1 JLD.18 (43)

Tarikh : 2 Ogos 2023

Pengarah  
Virtual Innovation Competition 2023  
Batu 23 Kg. Jias  
17000 Pasir Mas  
**Kelantan**

YBrs. Ts. Inv. Dr.,

### **PENGITRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI VIRTUAL INNOVATION COMPETITION 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak YBrs. Ts. Inv. Dr. bertarikh 27 Jun 2023 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak penganjur kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Virtual Innovation Competition 2023** yang dilaksanakan pada **1 Mac hingga 1 Jun 2023**.
3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan adalah **Pelibatan I Peringkat Antarabangsa**. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak penganjur perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A.
4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai peserta yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri.

KPM.600-4/1/1 JLD.18(43)

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak YBrs. Ts. Inv. Dr.. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak YBrs. Ts. Inv. Dr. boleh menghubungi Dr. Fazura binti Mohd Noor di talian **03-88721649** atau e-mel **fazura.mohd@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(ZAINUREN BIN HJ. MOHD NOR)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## LAMPIRAN A

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIFTIRAFAN PEMARKAHAN  
PELIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKUKULUM MURID DALAM  
PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM  
(PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JENIS PELIBATAN**

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/karnival/program pertandingan
PELIBATAN II	Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: - Jawatankuasa pelaksana - Petugas Teknikal - Persembahan selingan
PELIBATAN III	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

**SKOR PELIBATAN**

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

**SKOR PENCAPAIAN**

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat
TAHAP PENCAPAIAN	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4